

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,  
MAHKAMAH TINGGI,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50050 KUALA LUMPUR.

---

Bil: (73) dlm. JK/MA 16  
Tarikh: 15hb. Mei, 1990.

Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Penolong-Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Majistret-Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 3 TAHUN 1990.

Kes-Kes Mahkamah Yang Melibatkan  
Ahli/Bekas Ahli Parlimen dan Ahli/Bekas  
Ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan segala hormatnya saya diarah oleh Y.A.A Hakim Besar Malaya untuk menarik perhatian tuan/puan kepada perenggan 14(1) dan (2) Jadual Pertama Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang menyatakan:-

- "14.(1) Tiada apa-apa pencen atau ganjaran boleh diberi di bawah Jadual ini kepada mana-mana orang yang hilang kelayakan dari menjadi Ahli mana-mana satu Majlis Parlimen dalam hal-hal keadaan yang diperihalkan dalam perenggan (e) atau (f) Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan;
- (2) Jika seseorang yang telah dibagi pencen di bawah Jadual ini telah hilang kelayakan dari menjadi Ahli mana-mana satu Majlis Parlimen dalam hal-hal keadaan yang diperihalkan dalam perenggan kecil (1), pencen itu hendaklah terhenti dengan serta-merta:

Dengan syarat bahawa pencen, itu hendaklah dipulihkan semula dengan kuatkuasa kebelakangan bagi seseorang yang hilang kelayakannya di bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan telah dihapuskan oleh Yang di Pertuan Agong".

2. Sehubungan dengan itu pihak Mahkamah adalah diminta memberi kerjasama kepada Pejabat Setiausaha Bagi Parlimen Malaysia untuk menguatkuasakan peruntukan Akta Parlimen tersebut.

3. Mahkamah yang berkenaan adalah dikehendaki memaklumkan kepada Setiausaha Bagi Parlimen Malaysia mengenai mana-mana Ahli/Bekas Ahli Parlimen (Dewan Negara & Dewan Rakyat) yang dituduh di mahkamah.


4. Apabila membabitkan Ahli/Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri, mahkamah tersebut hendaklah memberitahu kepada Setiausaha Dewan Undang Negeri berkenaan.

5. Perkara yang patut diberitahu adalah seperti berikut:-

- i) Pertuduhan.
- ii) Keputusan muktamad mahkamah.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

  
(HASAN BIN LAH)  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
- 2) Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
- 3) Y.A.A. Hakim Besar Borneo. - untuk makluman
- 4) Ketua Pendaftar Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.